



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA TECHLYMPICS DIPERLUAS KE ZON TIMUR

KUALA TERENGGANU, 2 JUN 2022 – Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Haji Ahmad Amzad Hashim hari ini telah merasmikan Malaysia Techlympics Zon Timur di Auditorium Mahyuddin, Universiti Malaysia Terengganu, bagi menarik minat golongan pelajar dan belia dari Pantai Timur untuk menyertai inisiatif yang berteraskan inovasi Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Malaysia Techlympics 2022 yang merupakan salah satu inisiatif terbesar Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ini telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob pada bulan Mac yang lalu.

Program ini merupakan satu inisiatif pembudayaan STI yang bertujuan memupuk penciptaan idea berinovasi yang selaras dengan agenda Malaysia ke arah negara berteknologi tinggi.

Setakat ini, seramai 100,000 rakyat Malaysia yang berusia di antara 7 hingga 30 tahun telah mendaftar untuk menyertai pelbagai jenis pertandingan dan sesi perkongsian STI yang akan diadakan sehingga bulan November. Inisiatif yang dilaksanakan oleh Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) dan mendapat sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Luar Bandar (KPLB) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ini menyasarkan 1 juta pendaftaran peserta dan 2,000 idea STI yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Datuk Haji Ahmad Amzad dalam ucapannya berkata, MOSTI memperluas jangkauan ke negeri-negeri di Pantai Timur terutamanya Terengganu dengan tujuan memberi kesedaran mengenai program Malaysia Techlympics 2022 dalam kalangan pelajar, belia dan para pendidik di negeri itu.

“MOSTI ingin memastikan tiada sesiapa pun akan terlepas peluang keemasan untuk menyertai program berteraskan inovasi ini. Inisiatif ini sememangnya dirangka supaya bersifat inklusif agar lebih ramai golongan sasaran mendapat peluang untuk turut terlibat menghasilkan produk inovasi menggunakan pendekatan tidak formal,” ujar beliau.

Beliau turut menyeru kerjasama daripada Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Jabatan Belia dan Sukan dan lain-lain untuk menyokong, memberi galakan dan mendaftarkan pelajar dan belia untuk menyertai program Malaysia Techlympics agar minat mereka dalam STI dapat dipertingkatkan dan bakat mereka dalam penciptaan dapat diserlahkan.

Sepanjang tempoh Malaysia Techlympics 2022, pelbagai aktiviti pembelajaran berasaskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) termasuk sesi bengkel, webinar, kuiz dan sebagainya akan dijalankan secara dalam talian sebagai usaha melahirkan generasi inovator dan pencetus perubahan masa hadapan negara yang kompeten.

Antara program utama yang dilaksanakan adalah ‘Kuiz Superstar Sains’, ‘Sesi Tutorial Pengangkutan Masa Hadapan’, ‘Bengkel Belajar Dengan Arduino’, ‘Webinar Teknologi Masa Depan: Pengaturcaraan Robotik Maya’, ‘Simulasi Sains Penerbangan’, ‘Bengkel Matematik Praktikal untuk Pendidik’, ‘Webinar BYOD (Bina Reka Bentuk Anda Sendiri)’ dan mencipta animasi AR/VR.

Kebanyakan sesi diajar oleh golongan profesional, pengamal dan ahli akademik kerana Malaysia Techlympics 2022 memupuk budaya pembelajaran melangkaui bilik darjah. Turut diadakan adalah sesi pembelajaran rakan sebaya, pembentangan dan pameran oleh Ikon Inovator Muda.

Sebanyak 25 pertandingan berdasarkan lima (5) tema telah dirancang bermula April hingga November 2022. Para pesaing akan menjalani pusingan kelayakan di peringkat sekolah, daerah, zon, negeri dan seterusnya ke pertandingan akhir di peringkat kebangsaan pada bulan November nanti.

Pertandingan tersebut tertumpu kepada beberapa bidang antaranya kejuruteraan, pengkomputeran dan mikro-komputer, nano, internet kebendaan, robotik, dron, sains, matematik, reka bentuk kreatif dan animasi serta pencetakan dan pembangunan tiga dimensi.

Bertemakan 'Berhubung, Bersaing, Berjaya', Malaysia Techlympics 2022 menyediakan satu platform yang terangkum, menarik dan interaktif untuk para peserta bekerjasama dan pada masa yang sama bersaing untuk menjayakan sesuatu solusi berasaskan STI.

Keluarga Malaysia dijemput menyertai Malaysia Techlympics dengan mendaftar melalui laman web www.techlympics.my. Tarikh tutup pendaftaran adalah pada 15 Jun 2022.

Muat turun gambar, logo dari [Techlympics Media Kit](#)



#TAMAT#

**Dikeluarkan oleh:
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
2 JUN 2022**

Pertanyaan Media: Komunikasi Strategik MRANTI
Fazlyn Kamal, fazlyn@mymagic.my (+6012-3033 646)
Syafieqa Satria, syafieqa@mymagic.my (+6017-395 1088)
Intan Suraini, intans@mranti.my (+6019-2699 611)